

05 JUL 1999

Sekolah

PAS ANGGAP SEKOLAH AGAMA RAKYAT DI KELANTAN YANG TERBAIK

KOTA BAHARU, 5 Julai (Bernama) -- Kerajaan Kelantan mempertahankan kedudukan sekolah agama rakyat di negeri ini sebagai yang terbaik berbanding di negeri-negeri lain yang pengurusannya dikendalikan oleh kerajaan pusat.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Islam, Pendidikan, Dakwah dan Penerangan Kelantan Mohamed Daud berkata 90 sekolah-sekolah agama rakyat di negeri ini diberi perhatian istimewa oleh kerajaan pimpinan PAS yang memperuntukkan sejumlah besar wang untuk membangunkannya.

"Kerajaan negeri memperuntukkan sejumlah RM30 juta setahun untuk pengurusan sekolah agama rakyat," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Menurutnya kerajaan negeri juga telah membuat penyelarasan gaji membabitkan guru sekolah-sekolah agama dengan kenaikan daripada RM300 kepada RM475 sebulan.

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa kerajaan pusat akan mencari jalan bagi mengambil alih sekolah agama rakyat di Kelantan yang kini dalam keadaan daif dan pelajaranya diabaikan.

Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat sebelum ini berkata kerajaan negeri tidak akan menyerahkan pengurusan sekolah agama rakyat kepada kerajaan pusat kerana mendakwa Kementerian Pendidikan tidak mempunyai pengalaman bagi menguruskan sekolah seumpama itu.

Mohamed berkata dakwaan bahawa sekolah-sekolah agama rakyat di Kelantan berkeadaan daif, sebenarnya hanya berlaku pada zaman pemerintahan Umno sebelum 1990 dan selepas PAS mengambil alih, kerajaan negeri telah membangunkannya dengan membeli tanah serta membina sekolah-sekolah baru.

Katanya kerajaan negeri tidak mempunyai masalah untuk menyerahkan sekolah-sekolah agama kepada kerajaan pusat tetapi kerajaan pusat perlu membuktikan dahulu yang ia mampu membangunkan sekolah rakyat di negeri lain supaya menjadi model kejayaan pengurusan yang cekap.

"Bangunkan dulu sekolah agama rakyat di negeri lain sebagai contoh. Kita akan ikutlah," katanya.

Di KUALA LUMPUR, Persatuan Ulama Kedah dalam satu kenyataan membantah cadangan kerajaan mengambil alih semua Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR) di seluruh negara untuk memperbaiki kemudahan di sekolah-sekolah berkenaan.

Yang Dipertuanya Abu Bakar Awang bagaimanapun berkata persatuan itu mahu kerajaan memberi peruntukan yang mencukupi bagi memperbaiki prasarana SMAR tanpa dikenakan apa-apa syarat atau ikatan.

Beliau mendakwa cadangan mengambil alih SMAR dibuat berasaskan kepada tanggapan ia dipengaruhi oleh pegangan parti politik tertentu.

Abu Bakar yang juga anggota jawatankuasa PAS pusat memberikan tiga sebab persatuan itu menolak cadangan kerajaan mengambil alih SMAR -- ianya didirikan atas sumbangan serta wakaf jariah masyarakat setempat; terbuka kepada semua pelajar dari lapisan dan kelompok masyarakat tanpa mengambil kira fahaman politik dan sekiranya ada kecenderongan mana-mana SMAR kepada pihak tertentu, ini disebabkan oleh tindakan kerajaan yang tidak mahu mengiktiraf sistem yang didukung oleh SMAR.

"Pihak kerajaan sendirilah yang kurang menghargai sumbangan SMAR dalam mengukuhkan pendidikan Islam di negara ini," katanya.

-- BERNAMA

NHA RON

